

# Maqasid syariah teras kesejahteraan Keluarga Malaysia

**Putrajaya:** Kerajaan perlu bersungguh-sungguh menyusun atur segala langkah dalam penggubalan dasar bagi menterjemahkan konsep kesejahteraan agar ia dapat meresap ke jiwa seluruh Keluarga Malaysia, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan jika tumpuan hanya diberikan kepada pembangunan fizikal tanpa menekankan aspek spiritual, apa yang dibimbangi akan wujud kepincangan dalam usaha memperkukuhkan perpaduan negara.

Beliau berkata, agama adalah benteng pertahanan jiwa yang menjadi petunjuk dalam memelihara hubungan antara kaum.

Justeru, beliau berpandangan perbezaan agama bukan suatu halangan untuk bersatu padu.

“Malah, Islam mengangkat nilai kebersamaan dalam kepelbagaian rumpun, bangsa dan budaya.

“Untuk menikmati kesejahteraan dalam sesebuah negara, satu mekanisme ampuh perlu dijadikan landasan,” katanya ketika merasmikan Sesi Taklimat

Umum dan Pelancaran Buku *Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera*, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Perdana Menteri berkata, pemeliharaan kemaslahatan adalah manifestasi kesejahteraan kerana ia inti pati dalam objektif pensyariaan Islam yang sentiasa disebutkan sebagai pendekatan maqasid syariah.

Berikutan itu, katanya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wajar dijadikan pusat rujukan oleh semua kementerian dan agensi untuk melaksanakan tadbir urus berasaskan maqasid syariah.

Katanya, apa yang diharapkan ialah pendekatan maqasid syariah diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dan dijadikan panduan atau kerangka dalam

membangunkan dasar baharu sambil memperkasa yang sedia ada.

Ismail Sabri berkata, jika dasar itu dilaksanakan sebaiknya, dan kefahaman yang jelas diberikan kepada penjawat awam pada semua peringkat, beliau optimis, kesejahteraan yang diimpikan mampu dijiwai oleh seluruh anggota ahli Keluarga Malaysia.

“Dalam satu persidangan anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada September lalu, saya menyatakan bahawa maqasid syariah perlu dijadikan teras setiap dasar dalam membentuk sesebuah negara adil, sejahtera dan harmoni.

“Hari ini (semalam) pula, kita diperjelaskan mengenai pendekatan maqasid syariah dalam tadbir urus Keluarga Malaysia. Dengan mengambil kira Islam

sebagai agama Persekutuan, saya berharap setiap Kementerian dan agensi dapat menzahirkan prinsip pemeliharaan masalah dalam setiap dasar digubal.

“Prinsip ini menekankan perkara universal, sesuai untuk seluruh ahli Keluarga Malaysia yang mendambakan kesejahteraan dan keharmonian antara kaum dan penganut pelbagai agama.

“Ia tidak mengehendkan amalan dan kepercayaan agama lain, tetapi menuntut nilai kebersamaan dalam memelihara hubungan sesama kita,” katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut menggalakkan pelaksanaan pendekatan maqasid syariah pada peringkat negeri oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).



*Pendekatan maqasid syariah sesuai untuk seluruh Keluarga Malaysia yang mendambakan kesejahteraan dan keharmonian.*

(Foto hiasan)